

How to cite this article:

Siti Nathrah, C. F., & Fuziah, S. (2020). Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi sukarelawan dalam menjalankan aktiviti kesukarelawanan: Satu kajian literatur. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 23, 25-38. <https://doi.org/10.32890/jps2020.23.2>

Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Sukarelawan dalam menjalankan Aktiviti Kesukarelawanan: Satu Kajian Literatur

(Factors Affecting Volunteer Motivation in Carrying Out Volunteer Activities: A Literature Review)

SITI NATHRAH CHE FAZILAH & FUZIAH SHAFFIE
Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial
Universiti Utara Malaysia
nathrahfazilah@gmail.com

Received: 09/09/2020 Revised: 30/11/2020 Accepted: 15/12/2020 Published: 30/12/2020

Abstrak

Dewasa kini, aktiviti kesukarelawanan dilihat seperti cendawan yang tumbuh selepas hujan. Pelbagai organisasi bukan kerajaan dan individu lahir terutamanya tatkala negara di landa musibah seperti banjir. Aktiviti kesukarelawanan yang dijalankan menjadi ukuran kepada keperibadian sukarelawan yang menjalankan kerja sukarela dengan penuh komitmen tanpa berhendakkan ganjaran. Terdapat enam (6) faktor motivasi sukarelawan yang dinyatakan dalam *Volunteer Function Inventory* (VFI) iaitu nilai, pemahaman, perlindungan, kerjaya, sosial dan juga peningkatan. Dengan adanya motivasi ini, sukarelawan dapat mengenalpasti faktor ataupun penyebab yang boleh meransang sukarelawan dalam menggerak dan mengarah hala tuju dalam menjalankan kerja sukarela. Walau bagaimanapun, terdapat faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi motivasi sukarelawan

dalam menjalankan kerja sukarela termasuklah kepercayaan dan keyakinan diri sukarelawan, pengaruh persekitaran, kemahiran, niat dan dasar kerajaan. Artikel ini menghuraikan faktor-faktor yang dapat memotivasi sukarelawan dalam menjalankan aktiviti kesukarelawanan dan menyingkap strategi serta membantu pelbagai pihak termasuklah pihak kerajaan serta badan bukan kerajaan dalam usaha untuk mengatur strategi dalam memotivasi sukarelawan dalam menjalankan aktiviti kesukarelawanan.

Kata Kunci: Motivasi sukarelawan, kesukarelawanan, *Volunteer Function Inventory (VFI)*.

Abstract

Nowadays, volunteer activities grow like mushrooms after the rain. Non-government organizations and individuals were born especially when the country was hit by disasters such as floods. The volunteers personality carried out their activities is a measure of their voluntary work without expecting rewards. There are six (6) voluntary motivation factors mentioned in the Volunteer Function Inventory (VFI) namely value, understanding, protection, career, social and improvement. With these motivation factors, volunteers can identify factors or causes that can stimulate volunteers in moving and directing the direction in carrying out volunteer work. However, other factors that also influence the motivation of volunteers in carrying out voluntary work including the trust and self-confidence of volunteers, environmental influences, skills, intentions and government policies. This article describes the factors that can motivate volunteers in conducting voluntary activities, improve strategies and assist various parties including the government and non-governmental organizations to organize strategies in motivating volunteers in conducting voluntary activities.

Keywords: *Volunteer motivation, volunteerism, Volunteer Function Inventory (VFI).*

Pengenalan

Aktiviti sukarela bukanlah suatu perkara baru dewasa kini. Penglibatan sukarelawan dalam dunia sukarela telah menjadikan sukarelawan

lebih bersemangat untuk menjalankan kerja sukarela. Semangat kesukarelawan ini telah di dorong oleh nilai budaya, prinsip, ideologi dan tradisi dan secara tidak langsung dapat meningkatkan keyakinan dan keberanian dalam diri sukarelawan (Tuan Pah Rokiah & Lilah, 2016). Aktiviti kesukarelawan pada awalnya kurang mendapat sambutan kerana individu lebih memfokuskan kepada peningkatan ekonomi serta industri yang pesat yang turut mendorong kepada sifat individualistik. Akan tetapi, berbeza dengan situasi terkini yang mana aktiviti kesukarelawan kini menjadi semakin menonjol terutamanya penglibatan daripada golongan belia (Siti Raba'ah, Turiman & Azimi, 2015). Penglibatan sukarelawan dalam menjalankan aktiviti kesukarelawan dikaitkan dengan faktor motivasi yang mempunyai hubungan dengan minat dan komitmen sukarelawan itu sendiri dan akhirnya menghasilkan faedah yang tidak nyata seperti kepuasan diri kerana dapat membantu individu lain (Tuan Pah Rokiah & Lilah, 2016).

Sukarelawan dan Kesukarelawan

Sukarelawan telah didefinisikan oleh Shweiki dan Mauck (1993) sebagai individu yang menjalankan suatu pekerjaan tanpa upah. Ia selari dengan definisi yang dijelaskan oleh Cnaan, Handy dan Wadsworth (1996), serta Finkelstein dan Brannick, (2007) yang mendefinisikan sukarelawan sebagai individu yang memberikan masa yang terluang dengan berkhidmat kepada individu lain tanpa mengharapkan sebarang bentuk ganjaran daripada mana-mana pihak atau organisasi tertentu. Lantaran itu, individu yang kerap kali melibatkan diri dengan aktiviti kesukarelawan dilihat mempunyai tahap keperibadian diri yang lebih baik berbanding dengan individu yang tidak pernah terlibat dengan mana-mana aktiviti kesukarelawan (Mellor, Hayashi & Stokes (2009).

Kesukarelawan pula dikenali sebagai satu bentuk tingkah laku prososial yang memerlukan komitmen jangka panjang dalam tindakan atau perbuatan dalam memberikan pertolongan (Baron, Branscombe & Byrne, 2009). Menurut Azizan (2016), kesukarelawan berasal daripada kata dasar sukarelawan yang boleh diuraikan sebagai suatu konsep dan amalan yang berhubung dengan sumbangan ataupun perkongsian masa, sumber, pengetahuan, kemahiran dan kebolehan serta pengalaman yang dilaksanakan tanpa paksaan.

Berbeza dengan Penner, Dovidio, Piliavin dan Schroeder (2005) yang melihat kesukarelawan sebagai suatu tingkah laku prososial yang berada pada peringkat makro iaitu tindakan prososial yang berlaku dalam konteks kumpulan dan organisasi yang besar, yang dirancang dan berterusan untuk tempoh yang panjang. Peringkat makro ini berbeza jika dibandingkan dengan dua lagi peringkat prososial iaitu peringkat meso yang memfokus kepada pertolongan interpersonal iaitu antara pemberi pertolongan dan penerima pertolongan dalam konteks tingkah laku tertentu, dan peringkat mikro yang mengkaji asal-usul kecenderungan prososial dan sumber variasi dalam kecenderungan tersebut. Lazimnya, peringkat makro ini bermula dengan suatu keputusan untuk menyertai sesuatu organisasi untuk memberi sumbangan kepada masyarakat.

Motivasi

Aktiviti sukarela adalah satu aktiviti yang dijalankan oleh individu tanpa paksaan (Azizan Bahari, 2005) dan ganjaran kewangan (Papadakis, Griffin & Frater, 2004). Lazimnya, sukarelawan melibatkan diri dalam aktiviti sukarela tanpa memikirkan bayaran dan keuntungan (Azizan Bahari, 2005) melalui organisasi yang berbeza (Papadakis, Griffin & Frater, 2004). Walau bagaimanapun, penglibatan sukarelawan dalam menjalankan aktiviti sukarelawan dipengaruhi oleh faktor motivasi (Aishah Nadirah & Tajul Arifin, 2013). Zatul Iffah (2008) menyatakan motivasi adalah satu keinginan untuk kepuasan diri sendiri. Motivasi sukarelawan dalam menjalankan aktiviti kesukarelawan adalah dipengaruhi oleh faktor persekitaran, agama, pembangunan masyarakat, upah, sokongan, pembangunan kerjaya, situasi semasa dan sikap altruistik (Siti Raba'ah, Turiman & Azimi, 2015).

Volunteer Function Inventory

Penglibatan sukarelawan dalam menjalankan aktiviti sukarela tidak berhasil tanpa motivasi yang mempengaruhinya. Penglibatan sukarelawan yang tidak menentu dan tidak konsisten mendorong Clary dan Snyder (1999) memperkenalkan *Volunteer Function Inventory* (VFI). Dalam VFI terdapat enam (6) faktor yang mempengaruhi motivasi seseorang sukarelawan untuk menjalankan kerja-kerja sukarela. Enam (6) faktor tersebut diperincikan dalam Jadual 1:

Jadual 1

Dimensi Motif Penglibatan Kesukarelaan dalam VFI

Fungsi	Definisi/Konsep
Nilai	Individu yang menjalankan kerja sukarela adalah bertujuan untuk menyatakan atau melahirkan sifat kemanusiaan dan juga nilai-nilai murni yang terdapat dalam diri.
Pemahaman	Sukarelawan ingin memahami dan mengetahui dengan lebih mendalam terhadap kemahiran dan juga keperluan semasa.
Perlindungan	Sukarelawan menjalankan aktiviti sukarela untuk mengatasi masalah peribadi ataupun perasaan dukacita.
Kerjaya	Sukarelawan mencipta pengalaman melalui aktiviti sukarela dengan matlamat untuk mendapatkan kerjaya yang bersesuaian.
Sosial	Aktiviti sukarela yang dijalankan oleh sukarelawan membolehkan sukarelawan tersebut mengukuhkan lagi hubungan sosial dengan sukarelawan lain serta persekitaran.
Peningkatan	Sukarelawan dapat membangunkan serta meningkatkan psikologi diri melalui aktiviti kesukarelaan.

Sumber: Clary dan Snyder (1999)

Volunteer Function Inventory (VFI) meletakkan faktor nilai sebagai faktor utama penglibatan sukarelawan. Nilai-nilai murni dan kemanusiaan dapat dinyatakan oleh individu yang melibatkan diri dalam kerja sukarela dan kemanusiaan (Clary & Snyder, 1999). Kenyataan ini disokong oleh Nur Raihan dan Azizan (2013) yang menyatakan sukarelawan memiliki nilai yang baik dan melahirkan kelakuan serta sikap yang baik serta percaya bahawa membantu individu lain merupakan satu tanggungjawab bersama. Faktor nilai ini datangnya daripada niat yang murni daripada sukarelawan itu sendiri.

Selain itu, faktor pemahaman yang dinyatakan dalam VFI boleh didefinisikan sebagai tindakan sukarelawan untuk mengetahui tentang kemahiran dan keperluan (Aishah Nadirah & Tajul, 2013). Oleh itu, sebagai seorang sukarelawan yang dipengaruhi oleh faktor pemahaman, sukarelawan sentiasa berusaha untuk meneroka kekuatan mereka sendiri dan mengembangkan pemahaman diri dengan mencari jawapan terhadap segala persoalan dan tindakan yang dilakukan. Justeru

sukarelawan sentiasa meningkatkan dan membangunkan psikologi diri melalui aktiviti sukarelawan.

Faktor perlindungan juga dijadikan sebagai faktor penglibatan sukarelawan kerana berdasarkan kajian oleh Nur Raihan dan Azizan (2013), faktor perlindungan adalah merujuk kepada sukarelawan yang melibatkan diri dalam aktiviti kerja sukarela dan secara tidak langsung dapat menanam sikap positif dalam diri dan sebaliknya. Fungsi perlindungan juga berfungsi untuk mempertahankan ego dalam diri sukarelawan dengan mengurangkan kesan negatif yang seringkali dikaitkan dengan rasa bersalah (Emmeline Widjaja, 2010).

Kerjaya juga menjadi salah satu faktor utama dalam motivasi sukarelawan yang terlibat aktif dalam program sukarelawan seperti yang dinyatakan dalam VFI. Kenyataan tersebut juga disokong oleh Emmeline (2010) yang menyatakan faktor kerjaya memainkan peranan penting dalam motivasi sukarelawan dalam menjalankan kerja-kerja sukarela. Faktor kerjaya dijadikan sebagai faktor penglibatan sukarelawan apabila sukarelawan meletakkan keadaan perkhidmatan ataupun aktiviti sukarela ini sebagai satu batu loncatan untuk meningkatkan kualiti kerjaya mereka. Namun demikian, menurut Emmeline (2010) juga, faktor kerjaya dijadikan sebagai batu penghalang kepada sukarelawan untuk terus menjalankan aktiviti sukarela memandangkan adanyakekangan masa kerana terlalu sibuk dengan kerja.

Faktor fungsi kesukarelaan dalam VFI ini turut diguna pakai oleh pengkaji-pengkaji yang lain dalam usaha untuk mengkaji faktor motivasi penglibatan sukarelawan dalam aktiviti sukarela. Ini termasuklah Aishah Nadirah dan Tajul (2013) yang turut menggunakan ke enam-enam faktor tersebut dalam kajiannya yang mengkaji motif penglibatan sukarelawan sukan di institusi pengajian tinggi. Berdasarkan kajiannya, faktor motivasi yang menyumbang kepada penglibatan sukarelawan tertinggi dicapai oleh faktor pemahaman dan juga nilai murni dengan masing-masing mencapai nilai min tertinggi iaitu 4.05 dan 4.03 berbanding dengan faktor sosial yang mencatat nilai min terendah iaitu 3.63.

Begitu juga dengan Papadakis, Griffin dan Frater (2004) yang menjadikan faktor VFI untuk mengukur faktor motivasi sukarelawan.

Keputusan yang diperoleh dalam kajiannya menunjukkan faktor nilai mencapai nilai min yang tertinggi iaitu 15.91 dan nilai yang terendah iaitu perlindungan yang hanya mencapai nilai min 10.23. Kajian yang turut meneliti faktor motivasi terhadap jantina sukarelawan ini menunjukkan faktor nilai, pemahaman dan juga peningkatan adalah signifikan dan menjadi kepentingan kepada pelajar perempuan berbanding dengan lelaki.

Aishah Nadirah dan Tajul (2013) menggunakan instrumen VFI yang dihasilkan oleh Clary dan Synder (1999) telah dijalankan ke atas sukarelawan yang terlibat dalam aktiviti sukarela termasuklah dalam sektor kesukanan. Lantaran itu, 60 orang sukarelawan sukan institusi pengajian tinggi telah dipilih sebagai responden berdasarkan persampelan bertujuan. Dengan nilai sisihan piawai 0.58 dan diikuti dengan nilai 0.56, faktor pemahaman dan diikuti dengan faktor nilai menjadi antara faktor terpenting penglibatan sukarelawan di dalam pembangunan tersebut. Dalam hal demikian, penglibatan sukarelawan di dalam aktiviti kesukarelaan kesukanan adalah dipengaruhi oleh faktor pemahaman dan nilai. Ujian-t yang dilakukan mencatatkan nilai 2.24 bagi faktor pemahaman. Sukarelawan berpeluang untuk lebih memahami sesuatu ilmu pengetahuan dengan lebih mendalam terutamanya berkaitan dengan kemahiran serta keperluan semasa yang sering digunakan apabila faktor pemahaman diambil kira.

Faktor-faktor Lain Motivasi Sukarelawan

Menurut Azizan Bahari (2009), aktiviti sukarela terbahagi kepada dua iaitu jangka pendek dan juga secara berterusan. Sukarelawan yang melibatkan diri dalam jangka masa pendek adalah sukarelawan yang menghadirkan diri secara sekali-sekala manakala sukarelawan secara berterusan adalah sukarelawan yang menjalankan kerja sukarela secara konsisten dalam jangka masa yang panjang. Lantaran itu, faktor motivasi menjadi faktor penting dalam penglibatan sukarelawan dalam menjalankan kerja sukarela. Faktor-faktor tersebut adalah:

Kepercayaan dan Penglibatan Sukarelawan

Penglibatan individu tidak berhasil di dalam aktiviti sukarela tanpa adanya kepercayaan di dalam diri sukarelawan itu sendiri. Kepercayaan

yang wujud di dalam diri sukarelawan dapat membina penampilan yang baik pada diri sukarelawan. Dengan itu, sukarelawan dapat berbakti kepada komuniti tanpa halangan dan cabaran. Sukarelawan juga dapat melibatkan diri dalam aktiviti sukarela dengan adanya dorongan dan keyakinan dalam diri dengan memupuk perasaan berani, persaudaraan dan juga altruisme iaitu naluri ingin melakukan kebaikan ataupun kebajikan terhadap individu lain (Azizan, 2009).

Pengaruh Persekutaran dalam Kehidupan Sukarelawan

Siti Raba'ah, Turiman, Azimi dan Ezhar (2014) di dalam kajiannya menyatakan faktor motivasi mempunyai hubungan yang signifikan terhadap aktiviti sukarela dan menyumbangkan 23 peratus varians kepada penglibatan sukarelawan terhadap aktiviti sukarela. Namun begitu, faktor motivasi tersebut berbeza dengan faktor motivasi Clary dan Synder (1999) yang mana dalam kajian tersebut faktor persekitaran menjadi pengaruh terbesar dalam motivasi sukarelawan. Faktor persekitaran seperti ahli keluarga, rakan-rakan, jiran tetangga, komuniti setempat dan institusi pendidikan menjadi sumber utama yang merujuk kepada aspek motivasi sukarelawan. Oleh sebab itu, sukarelawan yang mempunyai faktor motivasi yang kuat akan melibatkan diri secara berterusan dalam aktiviti sukarela berbanding dengan golongan sukarelawan yang hanya melibatkan diri dalam aktiviti sukarela secara sekali-sekala.

Pengaruh Faktor Kemahiran dalam Motivasi Sukarelawan

Shulman (1999), Samir dan Sara Sakilla (2012) menyatakan bahawa kemahiran adalah sesuatu perkara yang penting dalam membantu individu lain mencapai matlamat yang diingini. Dalam mengasah kemahiran di dalam diri individu, teknik dan kreativiti adalah unsur penting dalam menjadikan kemahiran lebih mantap. Whiston dan Coker (2000) berpendapat bahawa dalam memberikan perkhidmatan yang bermutu, teknik yang berkesan diperlukan agar klien berasa selesa dan mempunyai keinginan untuk menjayakan aktiviti dengan bersungguh-sungguh.

Kemahiran tidak terhad kepada aktiviti teknikal, tetapi terdapat juga aspek kemahiran yang wujud semasa proses memberi pertolongan. Individu yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam aktiviti pembangunan komuniti memerlukan kemahiran dan kreativiti

yang tinggi. Lantaran itu, latihan ataupun pendedahan kepada situasi adalah diperlukan kepada individu yang ingin terlibat di dalam kerja sukarela. Nur Zakiah (2011) dan Samir dan Sara Sakilla (2012) berpendapat bahawa sebelum sukarelawan berada bersama-sama dengan komuniti, sukarelawan tersebut haruslah menjalani latihan dan mengenali komuniti yang akan didedahkan. Di samping itu peningkatan terhadap ilmu pengetahuan dan kemahiran amatlah diperlukan agar proses intervensi dapat dilaksanakan melalui institusi pendidikan formal serta rangka struktur yang tersusun. Maka, secara tidak langsung akan melahirkan sukarelawan profesional yang bakal berdepan dengan permasalahan dengan teknik yang lebih kreatif dan inovatif.

Faktor Niat Sukarelawan

Faktor niat merupakan pemboleh ubah bagi faktor kawalan gelagat yang dianggap berhubungan dengan persepsi seseorang individu dan kawalan gelagat pula dianggap sebagai darjah kawalan individu terhadap sesuatu gelagat yang akan dilakukan (Ajzen, 1991). Faktor niat dipengaruhi oleh sumber luaran dan juga sumber dalaman. Sumber luaran yang mempengaruhi niat seseorang individu untuk bersukarela adalah masa dan minat manakala sumber dalaman adalah seperti kemahiran, keupayaan, maklumat, emosi dan personaliti (Siti Raba'ah et al., 2014).

Faktor niat menyumbang sebanyak 69 peratus varians terhadap niat gelagat kepatuhan terhadap aktiviti sukarela yang menjadikannya berhubungan secara signifikan antara kedua-dua pembolehubah (Siti Raba'ah et al., 2014). Antara faktor yang dikenalpasti mendorong sukarelawan untuk terlibat dalam aktiviti sukarela ialah kecenderungan sukarelawan untuk menjalankan aktiviti sukarela dan juga minat sukarelawan terhadap aktiviti sukarela. Justeru itu, sukarelawan yang mempunyai niat yang tinggi untuk menjalankan kerja sukarela akan bergerak aktif dalam program kesukarelawanan berbanding dengan sebaliknya.

Dasar Kerajaan dalam Meningkatkan Aktiviti Sukarela

Menurut Azizan (2005) sukarelawan adalah individu ataupun sekumpulan individu yang sanggup berbakti ataupun memberikan

khidmat sumbangan dengan rela, tiada desakan serta dengan niat yang ikhlas tanpa mengharapkan ganjaran. Namun demikian, ia membawa maksud dan keadaan yang berbeza bagi segelintir pelajar negara-negara Barat, terutamanya Australia, Kanada, New Zealand, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Konsep kerja sukarela telah berubah mengikut keadaan semasa di negara-negara barat tersebut (Smith, Holmes, Haski-Leventhal, Cnaan, Handy & Brudney, 2010). Ini adalah kerana penglibatan sukarelawan di dalam aktiviti sukarela adalah didorong oleh unsur paksaan pada mulanya. Ini terjadi apabila dasar sesebuah kerajaan yang menetapkan kerja sukarela ataupun khidmat masyarakat dalam pembangunan komuniti adalah wajib terhadap pelajar Institut Pengajian Tinggi yang memperuntukkan 40 jam kredit sebagai prasyarat untuk mendapatkan ijazah di Kanada (Wei Yang, 2010).

Justeru itu, kajian yang dijalankan oleh Wei Yang (2010) mendapati individu yang terlibat dalam aktiviti sukarela di Kanada adalah kerana terpaksa mengalah terhadap keperluan Dasar Pendidikan di dalam negara tersebut. Kajian yang menggunakan data dan maklumat daripada *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) melalui Penilaian Pelajar Antarabangsa memberikan impak yang berlainan terhadap faktor penglibatan sukarela. Kajian tersebut mendapati individu yang mendaftarkan diri ketika dasar ini diperkenalkan berkecenderungan untuk meneruskan aktiviti sukarela walaupun sudah tamat pengajian. Ini berbeza dengan individu yang berada di tahun akhir pengajian semasa dasar ini diperkenalkan. Individu tersebut hanya melibatkan diri dalam kerja sukarela sebagai prasyarat untuk lulus pengajiannya. Penerapan kerajaan Kanada terhadap penduduknya terutamanya terhadap golongan remaja patut dicontohi kerana secara tidak langsung dasar wajib ini dapat mengurangkan masalah sosial remaja dan juga dapat membangunkan komuniti yang berada dalam kesempitan.

Faktor Demografi dan Nilai-nilai

Motivasi sukarelawan juga dipengaruhi oleh faktor demografi sukarelawan itu sendiri. Antara faktor-faktor demografi yang mempengaruhi adalah seperti pendapatan dan latar belakang keluarga, politik, jantina, sosialisasi dalam keluarga, pengalaman dan pendedahan awal (Clerkin et al., 2009). Namun begitu, berbeza dengan Hyde dan

Knoeles (2013) yang menyatakan faktor motivasi sukarelawan adalah dipengaruhi oleh nilai-nilai murni sukarelawan itu sendiri. Terdapat sembilan (9) nilai penting yang memotivisasikan sukarelawan yang dinyatakan iaitu aspirasi dan keinginan sukarelawan untuk membantu individu yang berada dalam kesusahan, menggembirakan orang lain, dorongan atau sokongan masyarakat setempat, pegglibatan ahli keluarga, keinginan untuk membala budi, sifat saling menyayangi insan yang memerlukan, keinginan untuk menyumbang barang keperluan kepada insan yang memerlukan, mengisi masa yang terluang dan yang terakhirnya adalah sikap bertanggjawab sukarelawan tersebut.

Penutup

Aktiviti kesukarelawanan di kalangan sukarelawan di Malaysia semakin berkembang dan mendapat tempat di kalangan penduduk Malaysia (Siti Raba'ah et al., 2015). Namun begitu, setiap individu yang menjalankan aktiviti sukarelawan mempunyai motivasi yang tersendiri selari dengan keinginan dan kehendak yang tinggi dalam diri sukarelawan tersebut untuk membantu masyarakat. Penglibatan sukarelawan dengan aktiviti berbentuk kesukarelawanan secara tidak langsung boleh memberi impak yang positif dalam diri sukarelawan berkenaan.

Justeru itu, faktor motivasi memainkan peranan penting dalam memotivisasikan sukarelawan dalam menjalankan aktiviti sukarela. Ini adalah kerana faktor motivasi yang baik akan terus mengekalkan momentum sukarelawan untuk menjalankan aktiviti sukarela sepanjang masa di mana secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan kesejahteraan fizikal sukarelawan, membentuk jaringan sosial yang lebih luas dan seterusnya membantu menyelesaikan isu-isu sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat.

Penghargaan

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

Rujukan

- Aishah Nadirah Mohamed Alauddin & Tajul Arifin Muhamad (2013). Motif penglibatan sukarelawan sukan institusi pengajian tinggi terhadap tahap kepuasan diri. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38(2), 51-59.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Process*, 50, 179–211.
- Azizan Bahari. (2005). *Menghayati kerja sukarela* (Edisi kedua). Qarya Sdn. Bhd.
- Azizan Bahari. (2016). *Kesukarelawanan*. Qarya Sdn. Bhd.
- Azizan Bahari. (2009). *Menjadi pemimpin*. Qarya Sdn. Bhd.
- Baron, R. A., Branscombe, N. R., & Byrne, D. (2009). *Social psychology* (12 ed.). Pearson Education, Inc.
- Clary, E. G., & Snyder, M. (1999). The motivations to volunteer: Theoretical and practical considerations. *Current Directions in Psychological Science*, 8(5), 156–159. <https://doi.org/10.1111/1467-8721.00037>
- Clerkin, R. M., Paynter, S. R., & Taylor, J. K. (2009). Public service motivation in undergraduate giving and volunteering decisions. *The American Review of Public Administration*, 39(6), 675–698. <https://doi.org/10.1177/0275074008327512>
- Cnaan, R. A., Handy, F., Wadsworth, M. (1996). Defining who is a volunteer: Conceptual and empirical considerations. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 31(3), 364–383. <https://doi.org/10.1177/0899764096253006>
- Emmeline Widjaja. (2010). Motivation behind volunteerism. *CMC Senior Theses*, 4. http://scholarship.claremont.edu/cmc_theses/4
- Finkelstein, M. A., & Brannick, M. T. (2007). Applying theories of institutional helping to informal volunteering: Motives, role identity and prosocial personality. *Social Behavior and Personality*, 35, 101-114.
- Hyde, M. K., & Knooles, S. R. (2013). What predicts australian university students' intentions to volunteer their time for community service? *Australian Journal of Psychology*, 3, 135–145.
- Karen A. Smith, Kristen Holmas, Debbie Haski-Leventhal, Ram A. Cnaan, Femida Handy & Jeffrey L. Bradney. (2010). Motivation and benefit of student volunteering: Comparing regular, occasional, and non-volunteers in five countries. *Canadian Journal of Nonprofit and Social Economy Research*, 1(1), 65-81.

- Mellor, D., Hayashi, Y., Stokes, M., Firth, M., Lake, M., Staples, M., Chambers, S., & Cummins, R. (2007). Volunteering and its relationship with personal and neighborhood well-being. *Non-profit and voluntary sector quarterly*: 144–159. <https://doi.org/10.1177/0899764008317971>
- Nur Raihan Che Nawi & Azizan Asmuni (2013). *Motivasi sukarelawan terhadap penglibatan dalam kerja sukarela di yayasan salam Malaysia*. Dalam Graduate Research in Education Seminar (GREduc 2013), 1 Dec. 2013, Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia, 88-92.
- Nur Zakiah Senin. (2011). Buletin salam. *Yayasan Salam Malaysia*.
- Papadakis, K., Griffin, T., & Frater, J. (2004). Understanding volunteers' motivations. *Proceedings of the 2004 Northeastern Recreation Research Symposium*.
- Penner, L. A., Dovidio, J. F., Piliavin, J. A., & Schroeder, D. A. (2005). Prosocial behavior: Multilevel perspectives. *Annu. Rev. Psychol.*, 56, 365-392.
- Samir Muhamzzab Amin & Sara Shakilla Mohd Salim. (2012). Pembasmian kemiskinan di Malaysia : Keperluan kemahiran pekerja komuniti. *Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities*, 82(1). 81-89.
- Shulman L. (1999). *The Skills of Helping Individuals, Families, Group and Communities* (4th ed). Illinois: Peacock Publisher.
- Shweiki & Mauck. (1993). *Volunteering in cross-national perspective: Initial comparisons*. Civil Society Working Paper 10. London: London School of Economics, Centre for Civil Society.
- Siti Raba'ah Hamzah, Turiman Suandi, Azimi Hamzah & Ezhar Tamam. (2014). Kepercayaan, motivasi, dan niat sukarelawan belia terhadap aktiviti sukarela di Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 10.
- Siti Raba'ah Hamzah, Turiman Suandi & Azimi Hamzah. (2015). Pengaruh kepercayaan, motivasi dan niat terhadap golongan belia dalam aktiviti sukarela di Malaysia. *International Journal of Education and Training* 1(2), 1-10.
- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain & Lilah Yasin. (2016). Belia dan program kesukarelawan di Malaysia: Satu kajian emperikal. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12(10), 183-194.
- Wei Yang. (2010). Does compulsory volunteering affect subsequent behaviour? Evidence from a natural experiment in Canada.

- Journal Education Economics*, 25(4), 394-405. <https://doi.org/10.1080/09645292.2016.1182622>
- Whiston, S & Coker, J. (2000). Personal therapy: An essential aspects of counselor training or a distraction from focusing on the client. *Journal for the Advancement of Counseling*, 14, 193–202.
- Zatul Iffah Mohd Fuza (2008). *Motivasi sukarelawan pelancong: Sukarelawan raleigh international*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.